



JABATAN KEJURUTERAAN DAN LANDSKAP  
MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

**SYARAT- SYARAT PERMOHONAN PELAN LANDSKAP**

1. Permohonan pelan Lanskap boleh dikemukakan semasa proses Kebenaran Merancang @ KM pembinaaan @ kelulusan Pelan Bangunan .
2. Pemohon perlu mengemukakan 2 salinan pelan berserta CD berserta borang permohonan perlu dihantar ke:

**Setiausaha**

Majlis Perbandaran Batu Pahat,  
Jalan Pejabat,  
83000 Batu Pahat, Johor

3. Pelan Lanskap perlu ditandatangani oleh Arkitek Lanskap yang berdaftar dengan ILAM dan menyatakan nombor pendaftaran.
4. Permohonan perlu disertakan dengan pelan kelulusan Kebenaran Merancang dan Borang C1 untuk maklumat tambahan. Jika tiada kelulusan Kebenaran Merancang (KM), pemohon perlu mengemukakan dokumen sokongan berkaitan untuk proses kelulusan.
5. Pelan yang dikemukakan perlu mengikut format:
  - a. Ukuran skala di antara 1 : 250 dengan 1: 1000 dalam ukuran pelan A1 bagi cadangan permohonan keseluruhan tapak. 1: 200 bagi pelan terperinci seperti Kawasan Lapang dan perincian Taman Permainan Kanak-Kanak.
  - b. Mencatat di pelan tapak perkara berikut:
    - Keluasan tapak pembangunan
    - Keluasan kawasan hijau yang diperlukan
    - Keluasan lanskap kejur
    - Jadual penanaman pokok
  - c. Format pelan perlu lengkap sebagaimana **Lampiran B**

- d. Semua pelan perlu diwarnakan dengan jelas mengikut kegunaan yang ditentukan:

- Berlainan warna bagi setiap spesis tanaman yang dicadangkan	
- Kawasan Tempat Letak Kereta.....	Kuning
- Kawasan siarkaki.....	Merah
- Kawasan yang berair seperti lombong, kolam air dan sebagainya.....	Biru
- Taman permainan kanak-kanak.....	Bersesuaian
- Kawasan cerun, padang bola.....	Hijau
- Lain-lain infrastruktur seperti wakaf, gerai, papan tanda.....	Coklat @ bersesuaian
- Gelanggang riadah seperti tennis, badminton, sepak takraw.....	Jingga, Oren

6. Pelan Landskap akan disemak oleh Penolong Arkitek Landskap dan disahkan oleh Arkitek Landskap untuk dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC.
7. Pelan yang telah disemak akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC dan jika tiada pindaan akan mendapatkan kelulusan ditandatangani oleh Tuan Yang Dipertua. Pemohon perlu mengemukakan 2 salinan pelan kertas dan 1 salinan pelan linen. Jika perlu **pindaan** pemohon perlu meminda pelan dan mengemukakan semula pelan pindaan dengan melibatkan 3 pelan kertas dan 1 pelan linen yang telah disahkan oleh Arkitek Landskap dan pemohon.
8. Kerja-kerja pembinaan landskap hanya boleh dilaksanakan setelah pelan landskap mendapat pengesahan dan kelulusan Yang Dipertua.
9. Pemaju / perunding perlu mematuhi kadar bayaran proses permohonan Pelan Landskap sebagaimana Lampiran C
10. Bagi penyediaan kawasan permainan kanak-kanak, penyediaan alat permainan perlu disediakan dari jenis plastik atau bersesuaian dan dilampirkan seperti berikut:
- Nama pembekal
  - Alamat pembekal
  - Brochure jenis alat permainan
  - Warranty letter daripada pembekal
11. Kemudahan taman – bangku-bangku duduk, wakaf, lampu-lampu taman, papan tanda dan sebagainya, perlu dari jenis yang tahan, selamat dan tidak merbahaya. Kemudahan ini perluditanda di dalam pelan dan dilabel dengan jelas.
12. Lain-lain maklumat yang diperlukan:
- Garistanda ( basement )
  - Garisan Sempadan
  - Garis Dinding Penahan ( retaining wall )
  - Kawasan lereng bukit ( cerun )
  - Bahu jalan
  - Transmission Line
  - Underground Utilities
  - Longkang - Open Drain- Mansoon Drain,- Culvert.

13. Menanda Pokok-Pokok Sediada melibatkan :
- Pokok sediada yang perlu dikekalkan
  - Pokok sediada yang perlu dialihkan.
  - Pokok sediada yang perlu ditebang.

14. Permohonan Kelulusan Penebangan Pokok Sediada:
- Mengemukakan pelan topografi kawasan pembangunan menunjukkan lokasi pokok.
  - Nama spesis pokok terlibat.
  - Ukuran pokok ( garis pusat / lilitan dan ketinggian )
  - Pelan menunjukkan lokasi pokok dan jumlah yang terlibat
  - Gambar pokok yang terlibat di tapak projek.

## **KEPERLUAN KOMPONEN PEMBANGUNAN LANDSKAP**

Setiap pembangunan yang dibangunkan perlu mematuhi yang ditetapkan oleh:

- Garis panduan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa bagi setiap komponen perancang pembangunan perumahan , perniagaan, industri dan lain-lain.
- Langkah- langkah Program Bandar Selamat.
- Perintah Pemeliharaan Pokok, Akta Perancang Bandar dan Desa ( Akta 172 )
- Garis Panduan Landskap Negara Edisi 2 2008
- Pelan Induk Landskap MPBP 2008 – 2020 atau Pelan Induk Landskap yang terkini


## SPESIFIKASI TERPERINCI PEMBANGUNAN KAWASAN LAPANG

1. Setiap kawasan lapang di kawasan pembangunan perlu dalam keadaan rata dan mempunyai rumput penutup bumi bebas daripada rumput liar atau merbahaya ( contoh : semalu, lalang, kemucup dan lain-lain)
2. Rumput yang ditanam perlu dalam keadaan pendek dan rata dengan permukaan tanah.
3. Bagi kawasan lapang yang bercerun rumput perlu ditanam secara close turfing dan dipasak dengan kayu dan pokok teduhan perlu ditanam untuk mengelakkan hakisan. Kawasan cerun perlu ditunjukkan kontour dengan jelas.
4. Setiap kawasan lapang perlu menyediakan lampu taman yang bersesuaian beserta perabot taman asas seperti ruang pejalan kaki, kerusi taman diperbuat daripada konkrit berkekemasan jubin beserta lantai slab dibuat secara (*cast in situ*) tong sampah dan papan tanda kesedaran sivik.
5. Setiap kawasan lapang perlu disediakan perabot taman yang boleh digunakan oleh orang awam. Garis panduan kos pembangunan landskap di kawasan lapang melibatkan :

Bil	Unit pembangunan	Kos
1	15- 50 unit	RM 20,000.00
2	51-100 unit	RM 30,000.00
3	101-200 unit	RM 50,000.00
4	>200 unit	RM 50,000.00 bagi 1 kawasan lapang. Ketentuan tambahan sumbangan dinyatakan di dalam peringkat susunatur sekiranya melebihi 1 kawasan lapang

6. Antara komponen yang dicadangkan adalah :
  - i) 1 set alat permainan bersepadu ( *Interrgrated Playground Equipment* ) beserta buaian ( 2 hingga 4 tempat duduk ), jongkang jongket(*see saw*), *rubber matt* di kawasan naik dan turun atau peralatan lain yang bersesuaian.
  - ii) Outdoor fitness sekurang-kurangnya 3 set untuk satu kawasan lapang lengkap dengan papan tanda teknik pemakaian serta *rubber matt*.
  - iii) Laluan reflexologi dengan keluasan lebih 10m<sup>2</sup> untuk 1 unit kawasan.
  - iv) Padang bola sepak atau padang futsal beserta kelengkapan asas.
  - v) Gelanggang sepak takraw, badminton, penteque, bola jaring, hoki, tennis atau yang bersesuaian beserta kelengkapan asas ( contoh : garisan padang, tiang gol, jaring, bendera setiap penjuru, papan tanda gelanggang ).
  - vi) Dataran.
  - vii) Ruang pejalan kaki yang bersesuaian.
7. Penanaman pokok teduhan digalakkan di kawasan sekitar perabot taman atau sekeliling padang mengikut kesesuaian.
8. Setiap kawasan lapang perlu mempunyai **konsep keseluruhan yang bersesuaian**.
9. Bollard perlu disediakan di kawasan pintu masuk kawasan lapang untuk mengelakkan kenderaan bermotor masuk ke kawasan lapang.
10. Penutup longkang perlu disediakan disekitar kawasan lapang.

Maklumat yang diperlukan dalam pelan landskap yang dikemukakan :



1. <Kosongkan>
2. Tajuk Projek  
(contoh : permohonan kelulusan pelan landskap bagi pembangunan .....di atas.....mukim.....daerah..... )
3. Tandatangan pemilik ( Pemaju dan konsultan )
4. Tandatangan Arkitek Landskap yang berdaftar dengan ILAM.
5. Tajuk lukisan beserta maklumat- maklumat mengenai pelan.
6. Pelan lokasi, pelan kunci, dan pelan kedudukan pokok ( ianya ditandakan dengan jelas

#### 7. Jadual Penanaman

Jenis Tanaman	Nama Botanikal	Nama Biasa (Common Name)	Nama Spesifikasi		Jumlah pokok	
			Tinggi	Diameter		
A. POKOK RENDANG i) ii)						
B. POKOK RENEK i) ii)						
C. POKOK PALM/POKOK BAMBOO i) ii)						
D. POKOK PENUTUP BUMI i) ii)						
E. RUMPUT i) ii)						

#### \* Lukisan Keratan Bentuk Penanaman:

Bagi penanaman di bahu jalan, Jalan Masuk Utama , Tempat Letak Kereta, tepian bangunan di bahagian cerun, pihak pemaju perlu mengemukakan Lukisan Keratan Jalan / tepian bangunan / cerun yang menunjukkan cadangan lokasi pokok dan lain-lain kemudahan seperti lampu, kotak bunga dan sebagainya.

## KADAR BAYARAN PROSES PERMOHONAN PELANLANDSKAP

## LAMPIRAN C

Jenis Permohonan	Kadar Permohonan
Kategori A  i) Lot- lot kedai ii) Industri sesebuah dan bertingkat iii) Stesen minyak iv) Industri Swasta ( sesebuah setingkat ) v) Projek - projek rumah /rumah kedai/ kedai pejabat <b>melebihi</b> 20 unit vi) Kerja-kerja industri & stesen minyak yang melibatkan keluasan tanaman landskap.	<b>RM300.00</b> bagi setiap permohonan kelulusan landskap
Kategori B  i) Kompleks Perdagangan ii) Hotel iii) Industri swasta ( bertingkat) iv) Projek Perumahan dari 100-300 unit	<b>RM300.00</b> bagi setiap permohonan kelulusan landskap
Kategori C  i) Projek Perumahan <b>kurang</b> daripada 20 unit ii) Projek Pangsapuri/ servis iii) Projek Pembangunan Bercampur iv) Kawasan Rekreasi Swasta/ Padang Golf	<b>RM 150.00</b> bagi setiap permohonan kelulusan landskap
<p>* Permohonan Pelan Landskap yang mempunyai <b>kawasan lapang</b> perlu melampirkan <b>pelan ukur tapak</b> yang telah disahkan oleh Juruukur bertauliahan.</p> <p>* Pembangunan oleh kerajaan dan rumah ibadat tidak dikenakan bayaran, tetapi diminta menghubungi Jabatan Kejuruteraan Dan Landskap untuk mematuhi syarat-syarat penanaman.</p>	